

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 JANUARI 2023
AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 23

Harga beras dalam negara terkawal, stabil

Harga beras dalam negara terkawal, stabil

Kenaikan pada peringkat global tak jejas pasaran tempatan

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my

Kenaikan harga beras dunia tidak akan menjelaskan harga makanan ruji rakyat Malaysia di sini yang masih terkawal dan stabil ketika ini.

Penganalisis ekonomi Universiti Kuala Lumpur (UniKL) Business School, Prof Madya Dr Aimi Zulhazmi Abdul Rashid, kenaikan harga beras di Malaysia boleh dikategorikan sebagai masih terkawal dan stabil, terutama yang diimport menerusi Bernas, pemegang permit import (AP) beras tunggal negara.

Penanda aras beras Thai-

land kali terakhir diniagakan pada AS\$523 (RM2,218.06) satu tan, tertinggi sejak Mac 2021. Harga beras Vietnam pula 10 peratus lebih murah pada kira-kira AS\$458 (RM1,942.4) hingga AS\$462 (RM1,959.36).

Bagaimanapun katanya, kenaikan harga padi di tempat petani pula hanya sedikit untuk memberikan keuntungan tambahan kepada mereka.

"Dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin menekan, petani mahukan keuntungan yang lebih juga untuk menampung kos mereka.

"Faktor orang tengah yang memonopoli rantai bekalan nilai dan menentukan harga pasaran adalah kesulitan lama yang tidak berjaya diselesaikan sejak dahulu lagi.

"Namun, di sebelah pengguna pula kenaikan kos sara hidup termasuklah kenaikan barang utama seperti harga beras yang adalah makanan ruji rakyat Malaysia," katanya kepada BH ketika dihubungi baru-baru ini.

Tambah beliau, mutu pe-

ngeluaran beras tempatan juga dipengaruhi oleh cuaca seperti banjir, kemarau dan pelbagai masalah alam sekitar, jadi rakyat Malaysia terpaksa bergantung kepada beras yang diimport dari luar.

Faktor kenaikan harga

"Peningkatan harga beras yang diimport juga dipengaruhi oleh faktor alam sekitar, terutama dari negara pengeluar utama di Asia Tenggara seperti Thailand dan Vietnam.

"Selain itu, peningkatan kos logistik dan kelemahan mata wang ringgit berbanding baht Thailand dan dolar AS.

"Kita maklum bahawa Malaysia mengimport hampir RM60 bilion setiap tahun pelbagai makanan, termasuklah beras dan kita menghadapi kesukaran untuk memenuhi permintaan domestik sendiri.

"Untuk mengelakkan pemerintah memberikan subsidi oleh kerajaan bagi mengawal kenaikan kadar inflasi, ia perlu diberikan

secara bersasar kepada rakyat, terutama kepada beras gred super dan spesial sahaja dan tidak meliputi beras mahal yang lain," katanya.

Beras Thailand yang menjadi penanda aras di Asia, sudah meningkat ke paras tertinggi dalam hampir dua tahun ini.

Menurut laporan daripada Bloomberg baru-baru ini, Thailand, pengeksport beras kedua terbesar, menyaksikan perintaran kukuh dari Iraq dan Indonesia, kata Presiden Kehormat Persatuan Pengeksport Beras Thai, Chookiat Ophaswongse.

"Iraq sering membeli beras kami setiap bulan," katanya.

Negara Timur Tengah itu adalah pembeli tunggal terbesar tahun lalu.

"Walaupun begitu, harga beras Thailand akan lebih tinggi daripada gred Vietnam sama," katanya.

Persatuan itu mengurangkan unjurannya untuk eksport beras Thailand tahun ini kepada 7.5 juta tan daripada 8.0 juta.

● Kita maklum bahawa Malaysia mengimport hampir RM60 bilion setiap tahun pelbagai makanan, termasuklah beras dan kita menghadapi kesukaran untuk memenuhi permintaan domestik sendiri ●

Aimi Zulhazmi Abdul Rashid,
Penganalisis ekonomi UniKL
Business School

